



MAJLIS PERASMIAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT KIMANIS JBPM, SABAH



Pada 04 Januari 2020 , YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri KPKT menyempurnakan Majlis Perasmian Balai Bomba dan Penyelamat Kimanis, Papar, Sabah. Turut hadir ialah YAS Dato' Mohammad Hamdan bin Haji Wahid, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Majlis ini bertujuan untuk memaklumkan penduduk setempat tentang penubuhan balai bomba baharu di Kimanis yang berfungsi untuk memberi perkhidmatan kecemasan kepada penduduk setempat termasuk kawasan bersempadan seperti Papar dan Beaufort.

Dalam perasmian, YB Zuraida merakamkan penghargaan kepada anggota bomba kerana dapat memberikan perkhidmatan terbaik kepada semua orang dalam semua situasi terutamanya di negeri Sabah. Oleh itu, kesemua anggota bomba mula menerima Elaun Perkhidmatan mulai Januari 2020.

Selain itu, beliau akan berusaha untuk mewujudkan Suruhanjaya Perkhidmatan Bomba yang membolehkan anggota bomba dapat menguruskan pentadbiran dengan lebih berdikari dan berkesan. Mereka juga boleh membuat keputusan dari segi pengrekrutan, kenaikan pangkat dan boleh menyetarakan gaji anggota bomba seperti polis dan tentera.

Beliau turut berkata kerjaya kebombaan telah berjaya menarik minat pemohon-pemohon yang mempunyai latar belakang dan tahap akademik yang berlainan seperti Diploma. Oleh itu, beliau akan berusaha untuk meningkatkan jumlah anggota bomba di seluruh negara.

Di samping, beliau turut mengucapkan terima kasih kepada bomba bantuan, bomba sukarela dan bomba komuniti yang telah membantu anggota bomba untuk menjalankan tugas bomba selama ini.

